

BAB 4

LEKSEM DAN KATA : PENELITIAN TERHADAP AMALAN LEKSIKOGRAFI DAN KAMUS DEWAN

4.1 Pendahuluan

Bab ini akan membincangkan proses pembentukan leksem yang berlaku dalam bidang leksikografi dan bagaimana bentuk-bentuk leksem yang terhasil dapat diaplikasikan kepada proses morfologi yang berlaku dalam Kamus Dewan.

Leksikografi berkait rapat dengan morfologi. Setiap entri yang dimuatkan di dalam kamus merupakan kata yang telah mengalami proses morfologi. Entri utama yang terkandung di dalam kamus merupakan kata dasar bagi setiap kata yang menjadi entri berikutnya.

Selama ini kebanyakan kamus masih lagi menggunakan kata dasar dalam menerangkan bentuk dasar entri yang menjadi punca penghasilan entri-entri yang berikutnya, dan menggunakan kata terbitan, kata majmuk, dan kata ganda bagi entri yang dihasilkan akibat daripada proses morfologi yang berlaku terhadap sesuatu kata dasar.

Setiap entri yang termuat di dalam kamus mempunyai bentuk-bentuk leksikon yang tertentu. Sejak beberapa tahun lalu telah timbul masalah dalam menentukan istilah yang tepat dan jelas bagi menerangkan bentuk-bentuk leksikon ini. Penggunaan kata bagi menerangkan proses penghasilan leksikon telah menimbulkan kekeliruan, seperti yang telah disebut oleh Hartmann (1984:08) :

The pre-scientific notion of the 'word', for instance, is inadequate to capture all the complexities: does it refer to a sequence of sounds (phonological word), of letters (graphic word), is it a formal unit composed of several building blocks (morphological word) or a unit expressing a basic meaning (semantic word)? Are all the inflectional and derivational variants (high, higher, highest height, heights, heighten, heightens, heightened, high-class, highly strung) one unit or several?

Menurut Hartmann, perkataan tidak memadai untuk mencerap semua kerumitan, misalnya perkataan *bank*, apakah yang menjadi kriteria yang memisahkan atau menemukan maksud yang berbagai-bagai dalam satu entri atau lebih dalam kamus?. Walaupun dihubungkan oleh terbitan sejarah (etimologi), beberapa set makna dapat dibuat; *bank1* bermaksud *raised mass of earth (by river)*, *bank2* bermaksud *financial institution*, dan *bank3* bermaksud *row of objects*.

Kata-kata, seperti *bank* di atas boleh ditangani dengan meletakkannya dalam entri kamus yang berbeza-beza. Namun begitu, masalah penggunaan entri tersebut dalam bahasa masih tidak dapat diselesaikan. Bagi mengatasi masalah ini, ahli leksikografi perlu menimbangkan satu unit asas yang lain bagi menggambarkan secara jelas antara bentuk kata dengan makna. Hartmann sendiri telah mencadangkan ...'lemma' atau 'lexeme' sebagai unit asas dalam leksikografi. Kelihatan kini istilah lexeme lebih luas penggunaannya.

4.2 Leksem dan Kata

Istilah *lexeme*, atau dalam bahasa Melayu *leksem*, telah digunakan oleh beberapa orang ahli leksikografi dan diaplikasikan kepada proses penghasilan kamus. Seperti yang telah disebutkan, Hartmann (1984: 08) meletakkan *leksem* sebagai unit asas dalam proses penghasilan kamus.

Menurut beliau:

Lexemes, those basic units which we have characterised as composed of phonetic form and semantic content,... are made up of smaller elements (phonemes, graphemes, syllables, morphemes), and they are embedded in larger co-text (phrases, clauses, sentences, paragraphs) which in turn are part of the wider extralinguistic context of speech acts and genre.

Hartmann mengatakan bahwa dalam leksikografi, hubungan di antara kata dengan makna tidak selalunya dapat diselesaikan secara konsisten. Melihat kepada ciri-ciri yang diberikan kepada leksem di atas, Hartman meletakkan leksem, yang terdiri daripada lambang fonetik serta mengandungi unsur-unsur semantik, sebagai unit dasar leksikografi yang merupakan kombinasi erat antara bentuk kata dengan makna.

Hockett (1970 : 169) menggunakan istilah lexeme sebagai satu unit yang seakan-akan sama dengan kata. Menurut beliau:

A lexeme is always a grammatical form, by definition. Lexemes are the average larger than single morphemes but smaller than the whole utterances (sentence). Many words are lexemes in many occurrences, and many lexemes are words...

Berdasarkan kenyataan di atas Hockett mengatakan bahwa leksem ialah satu unit yang lebih besar daripada morfem tunggal tetapi lebih kecil daripada ayat.

Zgusta (1971 : 119) telah menggunakan istilah leksem sebagai gambaran kepada kata yang membawa makna leksikal. Beliau mengatakan:

The whole paradigm, the whole range of forms that belong to one word is sometimes called the

lexeme. In other terminologies, the **lexeme** is the part of word which seem to carry the lexical meaning in the contradistinction to the grammatical morphemes...

Pernyataan Zgusta di atas menggambarkan bahawa leksem dapat menggambarkan makna leksikal bagi setiap bentuk sesuatu kata yang kelihatan berbeza daripada bentuk morfem yang terdapat dalam tatabahasa. Leksem juga digunakan sebagai satu istilah bagi menunjukkan seluruh paradigma sesuatu kata.

Konsep leksem juga pernah digunakan oleh H. Bejoint (Hartmann : 1983) dalam tulisan beliau **On Field Work In Lexicography** yang mengatakan :

Lexemes become entries in a dictionary only when they are socialised, that is when they are used by sufficient numbers of speakers. There are, committedly, a few exceptions, i.e rare words that are included and frequent words that are omitted, for various reasons.

Penggunaan konsep leksem di atas memperlihatkan bahawa leksem terus digunakan sebagai satu istilah yang menggambarkan unit-unit yang terkandung sebagai entri kamus.

F. R. Palmer (1976 : 39) mengatakan bahawa kamus terlibat dengan pernyataan makna perkataan-perkataan. Kata pula diandaikan

sebagai satu unit asas semantik. Namun begitu, penggunaan kata sebagai unit asas semantik masih menimbulkan beberapa kekeliruan.

Palmer juga mengatakan bahawa kata merupakan satu bentuk yang tergolong ke dalam bahagian tatabahasa dan hanya mempunyai makna 'tatabahasa'. Makna 'tatabahasa' itu tidak dapat dinyatakan secara terpisah kerana saling berhubungan antara perkataan dengan perkataan dan antara perkataan dengan seluruh ayat yang dinyatakan. Oleh sebab itu satu istilah baharu perlu dicipta bagi menggambarkan hubungan bentuk kata dengan makna.

Menurut Palmer, *love* dan *loved* adalah perkataan yang berlainan, tetapi boleh juga dianggap sebagai bentuk-bentuk daripada perkataan yang sama, iaitu kata kerja *to love* (dan kata *to love* ini dikenal pasti dengan menggunakan dua perkataan, iaitu *to* dan *love*). Istilah teknikal untuk perkataan *love* dan *loved* dalam pengerti yang sebenarnya ialah LEKSEM.

Beliau juga mengatakan bahawa sekiranya kajian terus dibuat terhadap leksem maka makna perkataan (leksem) adalah bebas daripada makna

tatabahasa dan kala lampau. Kita boleh melihat *loved* sebagai leksem *love* dan tidak menganggapnya sebagai dua morfem *love* dan *-d*. Mengambil contoh dalam bahasa Melayu, misalnya perkataan *makan* dan *dimakan*, kedua-dua perkataan *makan* dan *dimakan* di atas adalah tergolong dalam kata kerja yang terdiri daripada satu bentuk leksem *makan*. Dengan cara ini kita boleh menganggap leksem sebagai unit untuk kamus.

Kempson (1977) mengatakan penggunaan istilah *kata* dalam bidang semantik telah menimbulkan ketaksaan. Misalnya, perkataan *tap* mempunyai makna yang berbagai-bagai, seperti dalam ungkapan *to give someone a tap on the shoulder* dan *a water tap*, *tap* merupakan satu bentuk kata *tap*, tetapi mengandungi makna dua perkataan. Dalam hal di atas, bentuk kata seperti *tap* yang mendukung makna tertentu lebih sesuai dikenali dengan istilah item leksikal.

Item leksikal inilah yang dikenali sebagai leksem, seperti kata Kempson:

...lexical item, or **lexeme** as it sometimes called, enables us to characterise the paradigm *run, runs, running, ran*, as different forms of one lexical item...

Item leksikal atau leksem seperti yang dinyatakan di atas membolehkan kita menentukan paradigma sesuatu bentuk kata dengan lebih jelas.

Lyons (1977: 19) turut membincangkan penggunaan kata dalam kamus. Beliau mengatakan bahawa kata mempunyai bentuk-bentuk yang tertentu seperti *find* dan *found* yang tergolong dalam satu kata yang sama, menurut beliau:

In the sense of 'word' in which 'find' and 'found' are said to be forms of...the same words, it is a vocabulary-word that is being referred to; and vocabulary-words constitute one subclass of what...we calling lexemes.

Lyons mengatakan bahawa terdapat dua bentuk *find* dan *found* dalam kategori 'kata' yang sama. Melihat kenyataan yang dibuat oleh Lyons di atas jelas bahawa 'kata' yang sama mungkin tidak menggambarkan maksud yang serupa. Leksem digunakan bagi menggambarkan terdapatnya perbezaan makna berikut dengan perubahan bentuk 'kata'.

Baldinger (1970 : 17) turut menggunakan *lexeme* sebagai satu unit untuk bentuk-bentuk kata yang terdapat dalam kamus. Perkataan *farmer* merupakan satu perkataan yang mengandungi dua unit makna, iaitu *farm* (*lexeme*) dan *-er*

(morpheme). Baldinger juga turut membezakan antara leksem dengan unit-unit yang lain, seperti dalam contoh yang diberikan, iaitu perkataan *nonconformists*:

...n-o-n-k-O-n-f-O-m-i-s-t -s...

Berdasarkan contoh di atas, Baldinger mengkategorikan setiap unit yang terdapat dalam perkataan tersebut. Setiap bunyi vokal dan konsonan dikategorikan sebagai unit fonem, bagi bentuk-bentuk seperti *non-*, *-ist*, dan *-s* sebagai unit morfem, manakala bentuk kata *conform* pula ialah leksem yang dikategorikan sebagai satu unit untuk leksikologi atau leksikografi, dan bentuk keseluruhan (*nonconformists*) pula merupakan satu perkataan, iaitu unit untuk sintaksis. Dengan itu, Baldinger menganggap bahawa leksem ialah satu unit untuk bidang leksikografi.

Harimurti Kridalaksana (1983) telah menulis tentang leksem dan telah cuba mengaplikasikan konsep leksem ke dalam bahasa Indonesia. Menurut beliau leksem adalah setaraf dengan kata yang terdapat dalam sistem tatabahasa bahasa Indonesia.

Merujuk tulisan Harimurti Kridalaksana (1988: 52), leksem terbahagi kepada lima kategori, iaitu :

1. satuan terkecil dalam leksikon
2. satuan yang berperanan sebagai input dalam proses morfologi
3. bahan baku dalam proses morfologi
4. unsur yang diketahui adanya bentuk yang telah disegmentasikan daripada bentuk kompleks dan merupakan bentuk dasar yang lepas daripada morfem yang menerima imbuhan
5. bentuk yang tidak tergolong proleksem atau artikel

Berdasarkan kenyataan di atas, kajian ini akan mengambil kategori leksem yang pertama untuk diaplikasikan ke dalam proses penerbitan kata dalam kamus, iaitu melihat leksem sebagai satu unit terkecil dalam leksikografi. Maka dengan itu dapat dibezakan konteks penggunaannya dengan kata yang terdapat dalam tatabahasa.

Seperti yang telah dibincangkan oleh beberapa ahli bahasa mengenai konsep leksem yang lebih sesuai dijadikan unit asas dalam proses penghasilan kamus, maka kajian ini akan cuba

mengaplikasikan penggunaan leksem ini sebagai satu unit asas dalam penghasilan kamus ekabahasa bahasa Melayu dengan memberi tumpuan kepada Kamus Dewan.

Oleh sebab bahasa Melayu telah menggunakan kata dan morfem sebagai unit asas dalam tatabahasa, maka sesuai juga sekiranya leksem diaplikasikan kepada proses penghasilan leksikon dalam kamus ekabahasa bahasa Melayu.

Leksem boleh digunakan sebagai unit asas kepada proses pembentukan kata yang terdapat dalam kamus ekabahasa bahasa Melayu. Bagi menjelaskan bagaimana leksem dapat digunakan sebagai unit asas di dalam proses pembentukan kata, maka akan diterangkan proses-proses morfologi yang terlibat dan bentuk-bentuk leksikon yang akan terhasil.

Sekiranya leksem ini dijadikan unit dasar dalam proses pembentukan kata dalam leksikografi, maka proses morfologi yang terlibat adalah sama dengan proses morfologi yang berlaku dalam tatabahasa. Cuma penggunaan leksem lebih merujuk kepada bentuk perkataan dengan makna yang didukung oleh perkataan tersebut, manakala kata

pula merujuk kepada hubungan antara perkataan dengan perkataan dan hubungan perkataan tersebut dengan ayat yang dinyatakan.

Perbincangan seterusnya akan melihat beberapa prinsip penting dalam proses pembentukan kata yang berlaku dalam leksikografi dan proses pembentukan kata yang terdapat dalam Kamus Dewan.

4.3 Prinsip-prinsip Pembentukan Kata (entri) dalam Leksikografi

Umumnya, tidak terdapat perbincangan yang tegas tentang prinsip-prinsip penerbitan leksikon dalam leksikografi. Zgusta (1971: 119) mengatakan dalam proses pembentukan kata ahli leksikografi mestilah mengambil kira dua perkara penting . Pertama, tidak ada ketaksaan mengenai seluruh paradigma kata. Misalnya, dalam bahasa Inggeris kata terbentuk dalam keadaan yang mudah dan biasa seperti kata *book*, *books*, *box* dan *boxes* yang kelihatan mudah dikendalikan susunan tatabahasanya dalam kamus, tetapi bagi bentuk yang luar biasa seperti *goose*, *geese* dan *sheep*, *sheep* haruslah ditandai urutan pembentukannya .

Menurut Zgusta lagi, ahli leksikografi juga mestilah menganggap semua paradigma kata itu mempunyai makna leksikal yang sama. Dalam hal ini, bentuk-bentuk kata yang berhomonimi dan polisemi harus dijelaskan bagi mengelakkan ketaksaan dalam pentakrifan.

Zgusta juga turut membincangkan prinsip-prinsip pembentukan kata terbitan. Kata terbitan merupakan kepelbagaian bentuk bagi sesuatu kata. Kata terbitan akan menghasilkan makna leksikal yang berbeza bagi setiap bentuk yang dihasilkan. Oleh itu kata terbitan mempunyai unit yang tersendiri, misalnya, *mad* dan *madly* merupakan dua unit yang berlainan makna leksikalnya.

Bentuk kata yang lain yang turut dibicarakan oleh beliau ialah kata majmuk. Kata majmuk ialah satu bahagian kata yang mengandungi makna leksikal yang tersendiri. Kadang-kadang unsur-unsur yang membentuk kata majmuk boleh menjadi kata tunggal apabila diasingkan.

Oleh sebab kata majmuk mengandungi makna leksikal yang tersendiri maka pembentukan kata majmuk merupakan satu faktor penting dalam

menyusun entri. Misalnya, dalam bahasa Jerman *hand* bermaksud "tangan", manakala *schuh* bermaksud "kasut", tetapi *handschuh* pula membawa maksud yang tersendiri, iaitu "sarung tangan". Berikutnya daripada itu, *handschuh* dianggap sebagai satu entri.

Satu lagi perkara penting dalam menentukan pembentukan kata majmuk sebagai entri ialah kestabilannya dalam sesuatu bahasa. Terdapat beberapa percanggahan di kalangan ahli bahasa dalam menentukan kestabilan sesuatu kata majmuk. Oleh itu, ahli leksikografi harus dapat memastikan kestabilan bentuk sesuatu kata majmuk sebelum dijadikan entri. Kestabilan yang dimaksudkan di sini ialah keutuhan kata tersebut dalam bentuk yang tersendiri sebagai satu unit kata yang tidak boleh dipisahkan.

A.P Cowie (Hartman : 1983) turut membincangkan aspek tatabahasa yang terdapat dalam kamus. Menurut beliau entri haruslah terdiri daripada leksem mudah (kata dasar), kata terbitan, kata majmuk dan frasa. Entri juga harus mementingkan leksem mudah yang terdiri daripada pelbagai makna. Misalnya, *harass* yang dianggap sebagai entri utama, manakala *harassed*,

harasses, dan *harassing* pula tidak dianggap sebagai entri utama kerana bentuk-bentuk tersebut terhasil akibat proses penambahan imbuhan yang biasa tanpa mengubah makna.

Kata terbitan juga memainkan peranan penting dalam proses pembentukan kata yang terdapat dalam kamus. Misalnya, *actor* yang berbeza maknanya dengan *act*. Walau pun *actor* merupakan kata terbitan, tetapi perkataan ini menunjukkan makna yang berbeza, maka *actor* dianggap sebagai satu bentuk entri utama.

Bentuk kata majmuk dan frasa juga turut dibincangkan oleh Cowie. Menurut beliau, ahli leksikografi harus menimbang dengan teliti pembentukan kata majmuk dan frasa yang dimuatkan sebagai entri, atau pun subentri. Kamus **Webster** 3, misalnya, telah memasukkan kata majmuk sebagai entri utama, iaitu seperti **doorway**, **rattlesnake** dan **cooperhead**.

Selain Zgusta dan Cowie, Landau juga ada menulis beberapa peraturan dalam menentukan bentuk-bentuk kata yang boleh dimuatkan sebagai entri. Tulisan beliau tersebut lebih tertumpu kepada ciri-ciri utama sesuatu entri, iaitu

seperti yang di bawah:

- a. Kata nama dijadikan entri utama atau bentuk utama kata. Contohnya, *parachute*.
- b. Kata kerja diutamakan sebagai penerangan kepada bentuk utama kata seperti *to parachute*.
- c. Bentuk-bentuk infleksi selalunya disertakan seperti *parachuted* dan *parachuting*.
- d. Masukkan bentuk kata terbitan, seperti *parachutist*
- e. Idiom atau luahan kata dimasukkan dalam artikel, seperti kata-kata *take pot luck* dan *sixes and sevens* dikenali sebagai kata-kata teknikal dalam leksikografi dan digabungkan.
- f. Kepelbagaiannya. Bentuk-bentuk yang berbagai dikira sebagai satu entri. Walau pun bentuk tersebut hanya muncul sebagai satu entri utama sahaja.
- g. Bentuk-bentuk lain yang mengikut entri dikira sebagai penambahan. Misalnya, *un-* dalam *unexceptional*.

Secara keseluruhannya, prinsip-prinsip pembentukan kata yang telah dibincangkan agak

umum dan longgar. Namun begitu, pelbagai usaha ke arah pengekodan pola tatabahasa yang terdapat dalam leksikografi semakin menampakkan kemajuan.

Oleh sebab kajian ini lebih tertumpu kepada pembentukan kata yang terdapat dalam Kamus Dewan, berikut dibincangkan beberapa prinsip dalam proses pembentukan kata yang diamalkan oleh Kamus Dewan.

4.4 Prinsip-prinsip Pembentukan Kata dalam Kamus Dewan

Kamus Dewan telah memuatkan pelbagai bentuk kata bahasa Melayu. Umumnya, dalam Kamus Dewan tidak tercatat sebarang prinsip khusus mengenai penentuan proses pembentukan kata yang dimuatkan sebagai entri. Namun begitu, dalam Manual Kamus Dewan edisi ketiga terdapat beberapa panduan yang dapat dijadikan asas penyusunan entri dan secara tidak langsung menjadi prinsip kepada proses pembentukan kata yang terdapat dalam Kamus Dewan.

Penyusunan entri atau pembentukan kata bagi sesuatu entri melihat kepada makna yang dibawa oleh sesuatu entri tersebut. Seperti

kamus-kamus lain, Kamus Dewan juga meletakkan kata dasar sebagai entri utama, dan diikuti oleh kata terbitan, kata majmuk dan frasa.

Urutan pembentukan kata yang disediakan dalam manual tersebut ialah seperti dibawah :

- i. Kata akar. Kata akar (atau kata dasar) dimuatkan sebagai entri utama, dan diikuti dengan rangkai kata atau ungkapan yang dibentuk dengan menggunakan kata dasar.

Misalnya:

orang akan diikuti oleh ungkapan **(orang)** ...**asing**, **(orang)**...**asli**, **(orang)**...**atas** dan diikuti oleh peribahasa seperti ...**beraja di hati**

- ii. se-. Berdasarkan manual tersebut sedikenakan kepada kata dasar akan menghasilkan bentuk kata terbitan baharu. Misalnya, **orang** ditambah dengan **se-** akan menghasilkan **seorang**, **rumah** menjadi **serumah**, dan **batu** menjadi **sebatu**

- iii. beR-Bentuk imbuhan **beR-** akan mengikuti bentuk **se-**. Misalnya, **orang** akan menghasilkan **berorang(an)**, **batu** menjadi **berbatu** dan **rumah** menjadi **berumah**

- iv. meN-. Imbuhan meN- merupakan bentuk yang mengikuti kata dasar selepas beR-. Misalnya, **faham** akan menghasilkan **memaham**, **masak** menjadi **memasak**, **paku** menjadi **memaku**.
- v. teR-. Imbuhan teR- diimbuhkan kepada kata dasar selepas meN-. Misalnya, **ungkap** menjadi **terungkap**, **duga** menjadi **terduga**, dan **gulung** menjadi **tergulung**
- vi. -an. Imbuhan -an dikenakan kepada kata dasar selepas teR-. Misalnya, **gulung** menjadi **gulungan**, **guna** menjadi **gunaan**, dan **harap** menjadi **harapan**.
- vii. ke-. Jenis kata terbitan yang berikutnya ialah kata terbitan yang menerima imbuhan ke-. Misalnya, **tua** menjadi **ketua**, **hendak** menjadi **kehendak**, dan **kampung** menjadi **kekampung(an)**.
- viii. pe-. Jenis kata terbitan yang terakhir dimuatkan sebagai entri ialah kata terbitan yang menerima pe-. Misalnya, **laut** menjadi **pelaut**, **lari** menjadi **pelari** dan **kerusi** menjadi **pengerusi**

Bentuk-bentuk imbuhan dan kata terbitan yang dibincangkan di atas panduan penyusunan entri yang berdasarkan proses pembentukan kata yang dipetik daripada Manual Kamus Dewan 1993.

Kata majmuk juga dibentuk mengikut bentuk-bentuk di atas. Lazimnya kata majmuk dimuatkan sebagai penerangan atau subentri kepada kata dasar. Misalnya, **campur aduk** yang diletakkan di bawah entri **campur**, dan menjadi subentri apabila mengalami proses pengimbuhan, seperti **mencampuradukkan**.

Terdapat juga kata majmuk yang dijadikan entri utama. Misalnya, **keretapi**, **setiausaha** dan **lalulintas**. Ini mungkin disebabkan bentuk-bentuk kata majmuk tersebut telah mantap ejaannya dan tidak saboleh diubah lagi.

Frasa, ungkapan dan kata ganda dimuatkan sebagai penerangan kepada kata dasar atau subentri. Pembentukan frasa, ungkapan dan kata ganda yang dimuatkan dalam Kamus Dewan (edisi baharu) umumnya tidak terikat kepada satu peraturan yang khusus. Misalnya, **kuih-muih** dimuatkan sebagai penerangan kepada entri **kuih**, manakala **sayur-mayur** dan **kayu-kayan** pula diletakkan sebagai subentri.

Perbincangan proses pembentukan kata yang terdapat dalam leksikografi dan Kamus Dewan di atas adalah sebagai pendedahan umum. Seterusnya dibincangkan pengaplikasian konsep leksem ke dalam proses pembentukan kata Kamus Dewan.

4.5 Penerapan Leksem Sebagai Unit Asas Leksikografi Melayu (Amalan Kamus Dewan)

Proses pembentukan kata atau leksem yang berlaku dalam kamus akan menghasilkan bentuk-bentuk leksem yang berbeza. Bentuk-bentuk yang berbeza ini mungkin akan menimbulkan kesukaran dalam menyusun entri. Oleh sebab itu, perlu dilihat bentuk-bentuk leksem yang terhasil dalam menyusun entri bagi menyelaraskan penyusunannya dalam kamus.

Pertambahan bentuk-bentuk leksem dalam kamus akan meningkatkan jumlah entri yang ada. Dengan kata lain, pembentukan leksem akan menambahkan lagi perbendaharaan kata yang ada dalam bahasa Melayu. Pembentukan leksem adalah sama dengan proses pembentukan kata yang terdapat dalam bahasa Melayu.

Bentuk-bentuk leksem yang akan terhasil ialah :

- i. proleksem
- ii. leksem tunggal
- iii. leksem terbitan
- iv. leksem majmuk
- v. leksem ganda

4.5.1 Proleksem

Proleksem ialah bentuk kata yang belum dikategorikan dalam mana-mana golongan kata. Bentuk ini selalunya berfungsi dan mempunyai makna apabila dibantu oleh bentuk-bentuk morfem yang lain. Proleksem ini dapat dikatakan hampir sama dengan bentuk kata akar yang terdapat dalam tatabahasa.

Proleksem diletakkan sebagai salah satu entri utama dalam kamus. Bentuk proleksem ini kurang produktif jika dibandingkan dengan bentuk-bentuk yang lain. Contoh bentuk proleksem yang diambil daripada Kamus Dewan adalah seperti yang di bawah:

tawa = ketawa: \curvearrowleft Cik Salmah berderai;
Tuan Haji Fuad mendengar
deraian \curvearrowleft ratusan muridnya;
(Kamus Dewan: 1989: 1304)

baling I

batu dll yg dibubuh pd tali
dan dilempar dgn menghayun
mengelilingi kepala:
datangnya terlalu deras spt
~ ; (Kamus Dewan: 1989: 87)

4.5.2 Leksem Tunggal

Leksem tunggal dapat didefinisikan sebagai leksem yang terdiri daripada satu bentuk dasar sahaja, iaitu leksem yang tidak mengalami sebarang proses morfologi yang boleh mengubah bentuk dan maknanya. Leksem tunggal juga dapat dikenali sebagai leksem bebas.

Leksem bebas boleh menjadi leksem dasar kepada proses pembentukan leksem yang lain. Menurut Harimurti Kridalaksana (1988: 55) leksem dasar boleh disamakan dengan morfem dasar. Contoh leksem tunggal yang diambil daripada Kamus Dewan adalah seperti yang berikut:

bukti tanda: di dlm perbicaraan pihak yg menuduh berkewajipan memberi atau dalil-dalil yg menunjukkan pihak yg dituduh telah berbuat salah; surat inilah sebagai ~ bahawa dia telah meminjam wang drpd saya; ~nyata diri Id kad pengenalan; ~ saksi penyaksian, bukti; (Kamus Dewan: 1989:168)

Dalam bahasa Melayu morfem dasar terdiri daripada morfem bebas dan morfem terikat yang bukan imbuhan. Leksem dasar boleh dikatakan

sebagai asas kepada penerbitan leksikon sama seperti morfem dasar yang menjadi asas kepada proses penerbitan kata.

Leksem dasar boleh terdiri daripada leksem tunggal satu suku kata, dua suku kata, tiga suku kata dan seterusnya. Kata akronim juga boleh dimasukkan ke dalam golongan leksem tunggal. Beberapa contoh leksem tunggal yang diambil daripada Kamus Dewan ialah:

aba II daba hama, kuman

abai cuai, lalai; tidak ↗ dr, tidak cuai (lalai) dr;

agama 1. kepercayaan kpd Tuhan dan sifat-sifat serta kekuasaan Tuhan dan penerimaan ajaran dan perintahNya, kepercayaan kpd yg Maha Kuasa: ↗ Islam, ↗ Kristian; orang yang memeluk ↗ Islam juga orang mukmin; 2. kepercayaan kpd sesuatu dewa dll (yang dipuja dsb dan dianggap sbg sesutau yg amat berkuasa); (Kamus Dewan :1989: 11)

album Ig. buku tempat menaruh gambar-gambar (setem dll) : ↗ yg mengandungi gambar-gambar pada hari perkahwinannya; 2. piring hitam yg mengandungi beberapa buah ↗ lagu: penyanyi yg telah berjaya menghasilkan beberapa buah ↗. (Kamus Dewan: 1989: 25)

ABIM akronim bagi Angkatan Belia Islam Malaysia

ADUN akronim bagi Ahli Dewan Undangan Negeri

Proses pembentukan leksem tunggal ini sama dengan proses pembentukan kata tunggal yang

terdapat dalam bahasa Melayu. Bagi kata pinjaman yang telah mengalami proses morfologi dan bentuk dasarnya tidak dimasukkan ke dalam bahasa Melayu, maka bentuk yang dipinjam itu akan diterima sebagai leksem tunggal.

Contoh:

konsultan E (pakar) perunding, pakar runding. (Kamus Dewan: 1989: 651)

Leksem **konsultan** di atas merupakan leksem yang dipinjam daripada bahasa Inggeris yang berasal daripada bentuk dasar *consult* dengan maksud *runding*, tetapi hanya bentuk **konsultan** sahaja yang dimasukkan ke dalam kamus, maka **konsultan** akan dimasukkan sebagai bentuk leksem tunggal, bukan leksem terbitan.

Bagi leksem pinjaman yang diambil bentuk dasarnya, maka bentuk-bentuk lain yang terhasil selepas leksem tunggal mengalami proses morfologi akan dikira sebagai leksem terbitan.

Contoh :

konsep (konsep) E 1. = **konsepsi** pengertian (pendapat yg terbentuk dlm fikiran) mengenai sesuatu, tanggapan, gagasan, idea: ↗ demokrasi tidak bererti kebebasan yg tidak terbatas; 2. rancangan (rencana, surat dll), draf (surat dll), rang: ↗ surat

konsepsi (konsepsi) E pengertian, pendapat yang terbentuk dlm fikiran tentang sesuatu idea, gagasan: ↗

hidup yang tidak mementingkan mata benda harus diubah supaya tercapai kemajuan

konseptual(konseptual) E berkaitan dgn (mengenai) konsep, berasaskan konsep: para penonton juga dapat mengkaji persamaan dan perbezaan dlm idea-idea serta gaya olahannya.(Kamus Dewan: 1989: 651)

Leksem **konsep** di atas merupakan leksem dasar bagi penerbitan leksem **konsepsi** dan **konseptual**. Oleh sebab leksem **konsep** memang merupakan leksem dasar dalam bahasa Eropah, maka secara langsung leksem yang terbit selepas mengalami proses pengimbuhan seperti **konsepsi** dan **konseptual** akan dianggap sebagai leksem terbitan.

4.5.3 Leksem Terbitan

Leksem terbitan ialah leksem yang terhasil apabila leksem dasar mengalami proses pengimbuhan. Oleh sebab leksem terbitan melibatkan perubahan makna, maka imbuhan yang dapat diaplikasikan kepada leksem dasar hanya tiga sahaja, iaitu :

- i. awalan
- ii. akhiran
- iii. apitan

Sisipan tidak dapat diterima sebagai satu daripada proses pengimbuhan yang terdapat dalam menghasilkan leksem terbitan kerana leksem yang menerima sisipan tidak tersenarai sebagai satu bentuk entri. Ini mungkin kerana leksem terbitan yang menerima proses sisipan telah dianggap sebagai satu leksem tunggal dan disenaraikan sebagai leksem utama.

Tambahan pula, leksem yang menerima sisipan telah lama sebatи dalam bahasa Melayu, dan sukar untuk dibezakan di antara leksem terbitan yang mempunyai sisipan dengan leksem tunggal yang bentuknya seolah-olah menerima proses sisipan.

Contoh:

serabai, serabi sj kuih yang bersarang-sarang diperbuat drpd tepung beras.

serabut 1. serat spt yg terdapat pd sabut (kulit kayu dll), sesuatu yg berupa serat; akar \curvearrowleft akar pokok yg tidak mempunyai akar tunjang (buluh dll), akar yg berambu-rambu; 2. berambu-rambu, berbulu-bulu (tali, benang all); 3. \curvearrowleft perut kl terharu (fikiran), risau, runsing...
(Kamus Dewan: 1989: 1178)

Leksem **serabai** di atas merupakan leksem tunggal yang mendukung makna sebagai nama sejenis

kuih, manakala leksem **serabut** ialah leksem yang telah mengalami proses pengimbuhan sisipan, iaitu daripada **sabut** menerima sisipan -er- dan menjadi **serabut**, tetapi memandangkan sebahagian besar leksem tunggal yang seolah-olah telah menerima sisipan, maka bentuk sisipan ini tidak dikira sebagai leksem yang mengalami proses morfologi. Tambahan pula, bentuk sisipan ini tidak banyak memberikan perubahan maksud terhadap sesuatu leksem.

4.5.3.1 Leksem Terbitan Berawalan

Awalan yang digabungkan kepada leksem dasar akan menimbulkan perubahan makna terhadap leksem terbitan yang terhasil. Dalam bahasa Melayu awalan wujud dalam kata nama terbitan, kata kerja terbitan dan kata adjektif terbitan. Berikutan dari itu, awalan berfungsi membezakan maksud yang didukung oleh sesuatu leksem terbitan itu. Contoh:

abai cuai, lalai,; tidak ~ , tidak cuai (lalai) dr;

mengabaikan1. tidak atau sangat sedikit memberi perhatian kpd (seseorang atau sesuatu), tidak mengendahkan, mencuaikan, melalaikan: ~ anak isteri; tugas dan tanggungjawab; 2. memandang tidak penting, tidak mempedulikan atau mengendahkan, menganggap sepi: ~ tunjuk ajar

dan nasihat orang; mereka ✓ sahaja segala kritik dan cemuh; 3. tidak menggunakan (sesuatu kesempatan, kemudahan yg disediakan dll), membiarkan atau melepaskan, mensia-siakan; sayang sekali peluang keemasan itu kau abaikan ;

terabai tidak diberikan perhatian (bkn seseorang atau sesuatu), tidak dipedulikan (diendahkan atau digunakan), dibiarkan sahaja atau disia-siakan;

pengabaian perihal atau perbuatan mengabaikan (keluarga, tugas dan tanggungjawab, nasihat dan teguran, peluang dan kemudahan dll);

pengabai (orang yg sifatnya) suka mengabaikan atau sering tidak memberikan perhatian kpd sesuatu (spt tugas, tanggungjawab dsb).
(Kamus Dewan: 1989: 01)

Berdasarkan contoh di atas, terdapat dua bentuk awalan yang membawa maksud yang berbeza. Awalan yang pertama, **ter-** dalam leksem **terabai**, membawa maksud keadaan atau perbuatan yang tidak sengaja. Dalam leksem **pengabai** pula, awalan **peng-** merujuk orang yang melakukan perbuatan yang ditunjukkan oleh kata dasar.

Sama seperti proses pembentukan kata bahasa Melayu, awalan yang menduduki leksem terbitan berawalan ini membawa penanda maksud yang berlainan. Bentuk-bentuk awalan yang terdapat dalam leksem terbitan berawalan ini

adalah sama dengan bentuk-bentuk awalan yang terdapat dalam proses pembentukan kata terbitan dalam bahasa Melayu.

Secara umumnya, kata terbitan berawalan akan memasuki kelas kata yang berbeza. Leksem terbitan berawalan juga akan membawa makna yang berbeza bagi bentuk leksem yang terhasil. Bagi melihat perbezaan tersebut, disertakan beberapa contoh leksem terbitan berawalan yang diambil daripada Kamus Dewan:

berdukung duduk bercelapak di belakang atau di pinggang orang: anak monyet berpegang teguh dan pdibunya ke mana sahaja ibunya pergi;

mendukung 1. membawa kanak-kanak kecil sama ada ia bercelapak pd pinggang (atau di belakang) atau dgn menyokong punggung kanak-kanak itu dgn sebelah tangan lagi diletakkan di bawah ketiaknya: perempuan itu anaknya; 2. menggendong: dia memasukkan barang barang itu ke dlm kain dan nnya; 3. ki memikul atau menyokong dan berusaha dsb utk menjayakan (memperkuuh, menegakkan dsb): bahwasanya negara kita Malaysia cita-cita hendak mencapai perpaduan yg lebih erat di kalangan seluruh masyarakatnya;...

pendukung 1. orang yg mendukung seseorang(di pinggang, di belakang dsb); 2. orang yg

mendukung (menggendorong)
penggendorong, pembawa; 3.
sesuatu yg digunakan utk
mendukung (menggendorong),
penggendorong, pembawa: *Bujang*
Selamat pun menghadap Uli
Emak Si Anjing memohonkan
kain \curvearrowleft tepak 4. orang
(persatuan dsb) yg mendukung
(sesuatu cita-cita dsb):
persatuan-persatuan belia
merupakan cita-cita kerajaan
utk mewujudkan satu generasi
muda yg berdedikasi dan
berhemah tinggi;... (Kamus
Dewan: 1989: 297)

Awalan yang menghasilkan leksem terbitan di dalam Kamus Dewan lebih banyak menunjukkan maksud kata kerja dan kata nama sahaja. Berdasarkan contoh-contoh yang diambil daripada Kamus Dewan di atas, boleh dikatakan keseluruhan leksem terbitan berawalan di dalam Kamus Dewan menunjukkan kata kerja dan kata nama sesuatu benda.

4.5.3.2 Leksem Terbitan Berakhiran

Leksem terbitan berakhiran juga akan membawa maksud yang berbeza, sama ada di antara leksem dasar dengan leksem terbitan atau di antara leksem terbitan itu sendiri. Proses pembentukan leksem terbitan berakhiran ini sama dengan proses pembentukan kata terbitan berakhiran. Namun begitu, berdasarkan Kamus

Dewan, leksem terbitan berakhiran yang dimuatkan sebagai entri hanyalah leksem terbitan yang terdiri daripada golongan kata nama sahaja.

Contoh:

akuau 1. segala sesuatu yg diakui: **✓** ini telah dibuat di hadapan mahkamah rendah; 2. hantu jamuan, (yg menolong pawang); orang **✓** orang yg dilindungi oleh hantu jamuan (pawang yg mujarab ubat atau manteranya)
(Kamus Dewan: 1989: 21)

bahagian 1. hasil drpd membahagi: membahagi kpd tiga **✓**; 2. penggal (buku, cerita dll): **✓** terakhir buku itu tidak menarik; 3. hak atas barang yg dibahagi, habuan: **✓** saya belum saya terima lagi; 4. sesuatu (benda, alat dll) yg menyempurnakan barang yg lain: **✓** tubuh; 5. unit dlm sesuatu jabatan (syarikat dll) yg menjalankan fungsi tertentu: **✓** kewangan; (Kamus Dewan: 1989: 76)

Bentuk-bentuk akhiran yang lain seperti -kan dan -i tidak dimuatkan sebagai entri, kecuali yang mengiringi bentuk apitan. Namun terdapat juga bentuk-bentuk akhiran yang mengiringi leksem terbitan yang dipinjam daripada bahasa asing yang dimuatkan sebagai entri.

Contoh:

kritikal Ig. 1. menunjukkan atau mungkin menimbulkan krisis, boleh atau mungkin menerbitkan kegentingan: ancaman terbesar terhadap ekologi dunia sekarang ialah pemusnahan hutan pd kadar yg **✓** serta membimbangkan; 2. bersifat mengkritik, mengandungi kritikan (terhadap sesuatu atau

seseorang): beberapa buah akbar Soviet telah menyiarkan surat-surat yg agak ~ terhadap penglibatan negara itu utk menegakkan sebuah pemerintahan sokongannya di Kabul.

kritikus IB orang yg mempertimbangkan atau mengulas sesuatu dgn menghuraikan pendapatnya serta membuat teguran-teguran atau kecaman-kecaman, pengkritik: banyak hasil karyanya diperkatakan oleh ~ - ~ sastera. (Kamus Dewan: 1989: 661)

Leksem terbitan **kritikal** di atas merupakan leksem terbitan yang menggunakan akhiran pinjaman daripada bahasa Inggeris, manakala leksem **kritikus** menggunakan akhiran pinjaman yang dipinjam daripada bahasa Indonesia-Belanda, yang menggunakan leksem dasar **kritik**. Namun begitu, leksem dasar **kritik** memang merupakan leksem daripada bahasa Inggeris.

4.5.3.3 Leksem Terbitan Berapitan

Dalam tatabahasa bahasa Melayu apitan akan menghasilkan kata nama terbitan, kata kerja terbitan dan kata adjektif terbitan. Begitu juga dengan apitan yang membentuk leksem terbitan. Berdasarkan Kamus Dewan bentuk apitan akan menghasilkan leksem terbitan yang menunjukkan

benda atau nama, perbuatan dan keadaan atau sifat sesuatu.

Contoh:

a. Apitan yang membentuk leksem terbitan yang membawa maksud nama, benda atau penderita sesuatu kerja. Misalnya:

pengadangan 1. tempat utk mengadang; 2. perbuatan mengadang (Kamus Dewan: 1989: 06)

pengadilan 1. mahkamah, majlis dsb yg mengadili: *aku akan dihadapkan ke muka ~ dan disanalah aku akan menerima keadilan*; 2. perihal (perbuatan dsb) mengadili, perbicaraan serta keputusan oleh pengadil: *penjahat-penjahat perang dijatuhkan hukuman mati dlm ~ di mahkamah Nuremberg*; 3. perihal (perbuatan dll) mengadilkan sesuatu pertandingan dsb: *~ pertandingan aneka ragam*; (Kamus Dewan: 1989: 08)

b. Apitan yang membentuk leksem terbitan yang membawa maksud perbuatan atau kerja yang dilakukan. Misalnya:

mengadili menimbangkan dgn saksama serta memutuskan (dlm mahkamah dsb), memeriksa dan menghukum orang dgn adil: *~ dan menghukum orang-orang yg melanggar undang-undang*;

mengadilkan mempertimbangkan dan memutuskan (yg menang dlm pertandingan dsb) dgn adil, memeriksa: *berjenis-jenis barang tanaman telah dipamerkan dan diadilkan; pertandingan ratu cantik*; (Kamus Dewan: 1989: 08)

c. Apitan yang membentuk leksem terbitan yang membawa maksud keadaan atau sifat sesuatu.

Misalnya:

keadilan sifat (perbuatan, tindakan dll) yg adil: **seorang raja atau pemerintah;** ia menuntut **ia menuntut penyelesaian yg adil; menciptakan masyarakat mengadakan susunan dan keadaan yg adil bagi kehidupan dlm masyarakat.**
(Kamus Dewan: 1989: 08)

keangkuhansikap yg angkuh, ketinggian hati, kecengkakan: **golongan atas boleh menimbulkan kebencian di kalangan rakyat.** (Kamus Dewan: 1989: 45)

4.5.4 Leksem Majmuk

Leksem majmuk boleh dikatakan sebagai leksem yang terbentuk dengan menggabungkan dua leksem tunggal atau lebih bagi menepati sesuatu konsep. Leksem majmuk terdiri daripada satu unit leksem dan mempunyai makna yang tersendiri. Leksem majmuk ini bolehlah disamakan dengan konsep paduan leksem yang diperkenalkan oleh Harimurti Kridalaksana (1988) dalam bahasa Indonesia dan sama dengan konsep kata majmuk yang terdapat di dalam bahasa Melayu.

Oleh sebab leksem majmuk mempunyai makna yang tersendiri, maka boleh dimuatkan sebagai salah satu entri utama di dalam kamus. Kamus Dewan juga turut memuatkan leksem majmuk sebagai satu entri, dan leksem majmuk diletakkan sebagai entri sekunder, atau pun entri kedua selepas leksem dasar yang menjadi entri utama. Contoh leksem majmuk yang diambil daripada Kamus Dewan ialah seperti di bawah:

kerjasama 1. kerja (usaha) atau dgn saling bantu-membantu (di antara dua atau beberapa pihak), atau gotong-royong: ~ di antara semua pihak yg terlibat amat perlu utk menjayakan projek ini; 2. sumbangan pelbagai rupa (bersifat bantuan tenaga, sokongan, persefahaman dll) dr suatu pihak kpd pihak yg lain utk faedah bersama: jabatan itu dapat bergerak dgn licin hanya jika ada ~ dr pihak orang ramai; seseorang ketua memerlukan ~ drpd orang-orang bawahannya supaya segala yg diselenggarakan berhasil; syarikat syarikat yg dikendalikan bersama oleh ahli-ahlinya (dgn cara saling membantu, menyumbang dsb) utk faedah bersama; (Kamus Dewan: 1989: 607)

setiausaha 1. orang yg diambil bekerja utk menguruskan urusan surat-menurat (menyimpan rekod, membuat kerja-kerja pengkeranian dsb) utk orang perseorangan atau utk sesebuah pertubuhan; 2. pegawai yg mengendalikan pentadbiran dll sesuatu kementerian (jabatan dsb), orang yg mengendalikan pentadbiran sesuatu pertubuhan dsb: Ketua ~ Kementerian Luar Negeri; ~ Persatuan Sejarah Malaysia; ~ akhbar setiausaha

kpd menteri yg tugasnya menyediakan draf ucapan menteri dan seterusnya menguruskan penyiarannya di dlm akhbar; ↗ parlimen setiausaha kpd menteri dlm urusan yg bersangkutan dgn parlimen; ↗ peribadi setiausaha yg menguruskan hal-hal peribadi seseorang di samping tugas rasminya; ↗ politik setiausaha kpd menteri dlm urusan yg bersangkutan dgn politik; ↗ sulit setiausaha yg menguruskan urusan-urusan peribadi atau urusan-urusan sulit dsb seseorang atau sebuah pertubuhan, syarikat dsb;

(Kamus Dewan: 1989: 1194)

Leksem majmuk juga boleh menerima imbuhan.

Contoh:

bekerjasama bekerja (berbuat sesuatu) bersama-sama satu dgn cara saling membantu (menyumbang dsb), bergotong-royong: mereka tidak dapat membuat satu-satu kerja dgn sempurna jika tidak ↗;
(Kamus Dewan: 1989: 607)

kesetiausahaan (segala urusan) yg berkaitan dgn tugas atau profesi setiausaha: kerja-kerja ↗; dia berjaya dipilih memegang jawatan setiausaha kerana mempunyai Diploma, ↗;
(Kamus Dewan: 1989: 1194)

Leksem majmuk ini juga sepatutnya boleh menerima proses penggandaan, tetapi di dalam Kamus Dewan leksem majmuk yang digandakan tidak dimuatkan sebagai entri.

4.5.4 Leksem Ganda

Leksem ganda ialah leksem yang terbentuk apabila leksem dasar mengalami proses pengulangan, sama ada pengulangan seluruh leksem dasar, sebahagian daripada bunyinya, mahu pun diulang secara bebas. Kamus Dewan meletakkan leksem ganda sebagai entri kedua selepas leksem tunggal. Leksem ganda ini mempunyai konsep yang sama dengan kata ganda yang terdapat di dalam bahasa Melayu dan mengalami proses penggandaan yang juga serupa dengan kata ganda, iaitu:

- i. penggandaan penuh, iaitu menggandakan keseluruhan leksem dasar.

Contoh:

kurang-kurang (tidak cukup atau memadai): jika tidak laku ~ barang ini rugi besar nanti; 2. sangat kurang, makin kurang; ~ dikerah orang, lebih-lebih ia hendak datang; (Kamus Dewan: 1989: 681)

- ii. pengandaan separa, iaitu menggandakan sebahagian daripada leksem dasar.

Contoh:

terbuang-buangtersia-sia
(Kamus Dewan: 1989: 163)

buat-buat yg dibuat-buat, tidak sungguh-sungguh, pura-pura: sakit ~; tidur ~; bukan ~ bukan main-main, amat sangat;
(Kamus Dewan: 1989: 163)

iii. penggandaan berentak, iaitu menggandakan leksem dasar mengikut rentak bunyi, dan proses penggandaan berentak ini pula terbahagi kepada tiga bahagian, iaitu:

- a. pengulangan vokal.

Contoh:

sayur-mayur, sayur-sayuran, sayuran
bermacam-macam (berjenis-jenis)
sayur: biarlah hamba randaukan
dahulu ~~u~~;
(Kamus Dewan: 1989: 1125)

- b. pengulangan konsonan.

Contoh:

kayu-kayuan, kayu-kayan serba jenis
kayu, bermacam-macam jenis kayu;
(Kamus Dewan: 1989: 545)

- c. berentak bebas.

Secara umumnya, kelihatan Kamus Dewan tidak memuatkan leksem yang mengalami penggandaan berentak bebas ini sebagai entri, namun terdapat juga beberapa leksem yang mengalami penggandaan berentak ini dimuatkan sebagai subentri. Seterusnya akan dibincangkan cara-cara Kamus Dewan mengangani bentuk-bentuk leksem yang mengalami proses penggandaan berentak ini.

4.5.4.1 Penanganan Kamus Dewan Terhadap Leksem

Ganda

Seperti yang telah dibincangkan, Kamus Dewan hanya memasukkan leksem yang mengalami proses penggandaan penuh dan separa sahaja sebagai subentri, manakala leksem ganda yang mengalami penggandaan berentak pengulangan konsonan dan penggandaan berentak bebas tidak diletakkan sebagai subentri, sebaliknya digunakan padanan kata ganda tersebut sebagai unsur keterangan kepada leksem dasar. Dalam hal ini tidak tercatat dalam panduan bagaimana hendak mencari makna leksem ganda, ada leksem ganda dimuatkan sebagai entri kedua dan ada yang tidak diletakkan sebagai entri, seperti terdapat dalam contoh-contoh di atas.

Selain itu, terdapat kekeliruan dalam mengenal pasti susunan leksem ganda dengan bentuk proleksem yang digandakan.

Contoh:

kura I limpa

kura II; kura-kura; kekura 1. sj binatang berkaki empat yg mempunyai kulit yg keras di belakangnya dan dapat hidup di air dan di darat; jenis-jenis: ↗ dendang, ↗ katup, padi dll; 2. sesuatu yg menyerupai binatang kura-kura; kunci ↗ kunci gantung ↗ jendela bingkai

jendela: ~ kaki bahagian kaki yg melengkung di antara buku lali dgn jari, punggung kaki: ~ tangan bahagian tangan yg kebalikan tapak tangan, punggung tangan: ~ dlm perahu prb perbuatan yg bodoh: ~ pandai kerebat kayu, = spt ~ memanjat pohon kayu prb orang yg hendak melakukan sesuatu yg mustahil dapat diperlakukannya.
(Kamus Dewan: 1989: 680)

Boleh dikatakan semua bentuk proleksem yang digandakan ini tidak diletakkan sebagai entri utama. Selain contoh-contoh di atas, leksem **anai-anai** dan **rama-rama** juga tidak diletakkan sebagai entri utama, sebaliknya diletakkan di bawah entri **anai** dan **rama**. Pengguna Kamus Dewan mungkin menganggap bentuk-bentuk entri seperti **anai** dan **rama** ini sebagai satu bentuk yang terhasil daripada proses penggandaan, sedangkan **anai-anai** tidak terbit daripada leksem **anai**, begitu juga **rama-rama** dan **kura-kura**.

Melihat kepada definisi yang diberikan kepada bentuk proleksem ini agak longgar dan boleh mendatangkan kekeliruan terhadap pengguna-pengguna kamus, terutama pengguna yang menggunakan kamus sebagai rujukan dalam mempelajari bahasa kedua, maka penerangan secara ringkas terhadap bentuk-bentuk proleksem yang digandakan ini (bagi mendapatkan satu konsep yang

mendukung satu makna) harus dilakukan. Kamus Dewan, misalnya, boleh meletakkan satu tanda ringkas bagi menunjukkan bahawa entri seperti **kura**, **anai**, dan **rama** boleh terdiri daripada dua bentuk, satu berbentuk tunggal dan satu lagi berbentuk ganda.

4.6 Kesimpulan

Penanganan leksem sebagai satu unit asas dalam bidang leksikografi didapati membantu menyelesaikan masalah ketaksaan dalam menerangkan hubungan di antara bentuk kata dengan makna yang terdapat dalam entri kamus. Misalnya, entri **jalan** boleh mengandungi berbagai-bagai makna, seperti dalam frasa *tolong tunjukkan jalan ke rumah datuk penghulu*, *jalan cerita*, dan *dia jalan macam itik*. Sekiranya **jalan** dirujuk sebagai kata, maka makna yang terkandung dalam **jalan** perlu melihat kepada kehadirannya dalam ayat, manakala jika **jalan** dianggap sebagai leksem, maka makna akan dihubungkan dengan bentuk **jalan** itu sendiri.

Kewujudan leksem dan proleksem ini boleh digunakan bagi membezakan di antara kata yang terdapat dalam tatabahasa dan kata yang

dimuatkan sebagai entri kamus. Penerapan konsep leksem dalam sistem leksikografi bahasa Melayu mungkin dapat mengelakkan beberapa kekeliruan, terutama dalam membuat huraian dan penyelarasan penggunaan sesuatu entri. Ini disebabkan setiap entri yang dimuatkan ke dalam kamus perlu disertai dengan unsur-unsur lain seperti tatabahasa, etimologi, dan fonologi.

Oleh sebab setiap entri yang dimuatkan dalam kamus memerlukan banyak maklumat lain, maka penggunaan istilah kata bagi menggambarkan keadaan tersebut agak kurang sesuai berbanding dengan istilah leksem yang sememangnya telah diperkenalkan oleh beberapa orang ahli leksikografi sejak awal lagi.

Sesuai dengan definisi dan konteks penggunaannya dalam bidang leksikografi, maka pendirian yang dipegang dalam kajian ini ialah menerima leksem sebagai satu unit asas dalam proses pembentukan kata yang terdapat dalam bidang leksikografi, terutama leksikografi Melayu.

Umumnya, konsep leksem ini tidak banyak berbeza dengan konsep kata, namun

penggunaannya dalam proses penghasilan kamus dapat memberikan manfaat dalam menghasilkan sebuah kamus yang lengkap dan selaras dengan hukum tatabahasa, terutama dalam menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa yang mampu memperkatakan pelbagai bidang ilmu pada hari ini.

Kehadiran berbagai-bagai bentuk leksem telah memperlihat satu kemajuan dalam bidang leksikografi. Bentuk-bentuk leksem yang wujud ini bukan sahaja meningkatkan lagi kosa kata sesuatu bahasa, bahkan dapat memberi maklumat dalam menyelesaikan beberapa masalah kebahasaan. Kamus, di samping menjadi rujukan makna, juga digunakan sebagai sumber rujukan tatabahasa.